

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

dari	daripada	oleh	dengan
kepada	hingga	tentang	demi

Media massa ialah alat komunikasi yang penting dalam sesebuah negara. Oleh sebab itu, media massa memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan masyarakat berpengetahuan. Setiap hari pelbagai maklumat penting disebarluaskan _____ media massa _____ rakyat. Hal ini amat penting dalam usaha kerajaan ingin mewujudkan masyarakat berpengetahuan _____ mencapai Wawasan 2020. Selain itu, media massa mestilah menyampaikan maklumat yang tepat, padat, dan berasas agar pemikiran masyarakat negara kita tidak terpesong _____ landasan kebenaran.

Soalan 22

- a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat Tanya

Jawapan : Kerugian yang dialami oleh mangsa banjir di negeri Johor melebihi RM1 juta.

(2 markah)

- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



(2 markah)

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

(2 markah)

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Wayang kulit merupakan satu bentuk teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Wayang kulit bukan sahaja mencerminkan unsur kebudayaan, tetapi juga menjadi hiburan bagi masyarakat Melayu. Persembahan wayang kulit lazimnya dilakukan di sebalik tabir putih. Patung-patung kulit ditayangkan dengan digerak-gerakkan di antara tabir dengan pelita minyak. Cahaya pelita akan menjadikan bayang-bayang patung bergerak-gerak di atas layar putih.

Dalam setiap persembahan wayang kulit, Tok Dalang memainkan peranan yang amat penting. Tok Dalang akan diiringi oleh satu kumpulan pemuzik yang memainkan alat-alat muzik. Satu keistimewaan Tok Dalang ialah dia dapat mengubah-ubah suaranya mengikut watak-watak penting yang dimainkannya.

Wayang kulit telah melalui banyak perubahan serta penyesuaian selari dengan penerimaan dan cara hidup masyarakat setempat. Perubahan ini disebabkan wayang kulit merupakan satu alat perhubungan masyarakat Melayu melalui kesenian. Wayang kulit jelas menonjolkan unsur-unsur tempatan dari segi bahasa dan peristiwa-peristiwa yang disentuh dalam persembahannya. Aliran cerita, bentuk patung-patung dan watak terdapat adegan-adegan kelakar disepanjang cerita wayang kulit itu.

- a. Gelaran kepada orang yang memainkan wayang kulit ialah _____
[1 markah]
- b. Mengapakah persembahan wayang kulit menggunakan pelita minyak?

[2 markah]

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Wayang kulit merupakan satu bentuk teater tradisional.

Tok Dalang boleh memainkan pelbagai alat muzik.

Tok Dalang mengubah-ubah suaranya mengikut keperluan watak.

Persembahan wayang kulit biasanya dilakukan di sebalik dinding putih.

betul

salah

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-solan berikutnya.

Pada cuti persekolahan yang lalu, aku dan keluarga pergi berkelah di Batu Ferringhi. Kami turut membeli-belah di situ sempena pesta pantai musim cuti persekolahan. Ketika kami sampai di situ, orang ramai sudah membanjiri kawasan pantai tersebut. Kami terus menuju ke tapak pesta yang diadakan di pesisir pantai. Suasana di tapak pesta itu sungguh meriah. Selain menyaksikan pertunjukan hiburan, orang ramai turut mengunjungi gerai jualan barang *cenderahati*, pakaian, permainan dan gerai makanan. Aku tidak melepaskan peluang untuk membeli cenderahati untuk kenangan. Aku berasa seronok mengunjungi pesta itu kerana terdapat banyak jenis gerai jualan serta pelbagai jenis makanan dijual. Kami meninggalkan tapak pesta tersebut setelah tidak cukup tangan untuk membawa barang yang telah dibeli. Kami pulang dengan gembira.

- a. Perkataan *cenderahati* dalam petikan boleh diganti dengan perkataan _____
(1 markah)

- b. Apakah tujuan penulis dan keluarganya pergi ke Batu Ferringhi?

(2 markah)

- c. Gambarkan kemeriahannya di tapak pesta pantai itu.

(2 markah)

- d. Selain daripada bercuti, apakah aktiviti lain yang boleh dilakukan ketika cuti persekolahan?

(3 markah)

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-solan berikutnya.

Tidak layu si mawar merah,
Buat menghias tepian kolam,
Bahasa Melayu mencatat sejarah,
Luas tersebar seluruh alam.

Gadis ayu bagaikan ratu,
Cantik menawan bersih pakaian,
Bahasa Melayu bahasa penyatu,
Bahasa Kebangsaan bahasa perpaduan.

Lembut bicara Puteri Salju,
Bergurau senda bersama rakan,
Jika berjaya ingin maju,
Bahasa Ibunda jangan dipinggirkan.

Hati terpikat memendam rasa,
Suara merdu pandai bergaya,
Mari mengangkat martabat bahasa,
Tekad dipadu pasti berjaya.

- a. Jika kita ingin negara maju, kita _____
(1 markah)

- b. Apakah maksud rangkap kedua pantun tersebut?

(2 markah)

- c. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul berdasarkan pantun tersebut.

Bahasa Melayu menyatukan bangsa	
---------------------------------	--

Bahasa Melayu bahasa dunia	
----------------------------	--

(1 markah)

- d. Pada pendapat kamu, mengapakah kamu perlu menguasai bahasa Melayu?

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

